



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (22 OGOS 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **satu (1) kes** positif COVID-19 dilaporkan di Daerah Miri. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak sebanyak **688** kes.

A. Ringkasan Kes 688: Kes Import Dari Luar Negara

Kes Ke-688 ini merupakan seorang lelaki warganegara tempatan, berumur 55 tahun yang balik dari Amsterdam, Belanda. Kes bekerja sebagai *scaffolder offshore* di Amsterdam. Sejarah perjalanan menunjukkan kes telah menaiki pesawat pada 14 Ogos 2020 dari Amsterdam dan transit di Doha, Qatar sebelum meneruskan penerangan ke Kuala Lumpur melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan tiba di Malaysia pada 15 Ogos 2020. Kes telah bermalam semalam di Kuala Lumpur sebelum menaiki pesawat balik ke Miri, Sarawak pada 16 Ogos 2020 melalui Lapangan Terbang Miri. Semasa tiba di Lapangan Terbang Miri, kes terus dibawa ke pusat kuarantin hotel di Miri untuk menjalani kuarantin wajib 14 hari. Kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.

Sebelum pulang ke Malaysia, kes telah memaklumkan bahawa beliau telah menjalani kuarantin dan saringan swab rT-PCR di Amsterdam. Hasil ujian swab rT-PCR di Amsterdam, Belanda juga dikatakan negatif COVID-19.

Setibanya di Kuala Lumpur, kes telah disaring menggunakan RTK Antigen pada 15 Ogos 2020 dan keputusan ujian RTK Antigen tersebut juga adalah negatif. Semasa menjalani kuarantin di pusat kuarantin hotel di Miri, Sarawak, kes diambil swab untuk ujian rT-PCR saringan pertama pada 18 Ogos 2020 dan keputusan ujian makmal pada 21 Ogos 2020 mendapati kes adalah positif COVID-19.

Kes telah dimasukkan ke wad isolasi Hospital Miri pada hari yang sama untuk rawatan lanjut. Pengesahan kontak kepada kes ini dan siasatan lanjut masih dijalankan. Kes ini dikategorikan sebagai kes import dari luar negara.

B. Kluster COVID-19 yang telah tamat (Kluster Syarikat Pembinaan Kuching).

Hari ini, Kluster Syarikat Pembinaan Kuching telah diisyiharkan tamat setelah tiada kes baharu dilaporkan dalam tempoh 28 hari dari tarikh kes terakhir. Kluster Syarikat Pembinaan Kuching merupakan satu kluster yang dikesan pada 25 Julai 2020 melibatkan dua (2) kes COVID-19 yang telah disahkan oleh makmal.

Secara ringkasnya, Kluster Syarikat Pembinaan Kuching melibatkan dua (2) orang pekerja warganegara tempatan dari sebuah syarikat pembinaan yang beroperasi di Kuching. Kluster ini mula dikesan apabila kes indeks kluster ini, iaitu kes ke-578 menjalani pemeriksaan kendiri di sebuah fasiliti kesihatan swasta Kuching pada 11 Julai 2020. Hasil keputusan makmal mendapati beliau adalah positif untuk rT-PCR COVID-19 pada 12 Julai 2020. Susulan pelaporan kes ini, kes kedua (kes-649) telah dikesan hasil daripada aktiviti saringan kontak kes pertama.

Kedua-dua kes positif ini tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala COVID-19 dan mereka juga tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh 30 hari sebelum disahkan positif COVID-19. Mereka telah mendapat rawatan di Hospital Umum Sarawak. Kes terakhir telah pulih serta didiscaj pada 5 Ogos 2020.

Secara keseluruhannya, seramai 91 kontak terdiri daripada 90 orang warga tempatan dan satu (1) bukan warganegara Malaysia telah disaring. Hasil daripada saringan kontak ini, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah berjaya mengesan satu (1) lagi kes (Kes-649) positif COVID-19 dan 90 ujian saringan yang lain adalah negatif untuk COVID-19.

Kluster Syarikat Pembinaan Kuching adalah kluster terpencil dan telah berjaya dibendung dengan usaha dan kerjasama antara Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak dengan semua ahli Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak.

C. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.

Setakat hari ini, jumlah kluster yang masih aktif adalah sebanyak **enam (6)** dan melibatkan seramai **57 orang kes** seperti berikut:

- a) Kluster Syarikat Kejuruteraan: kekal lapan (8) kes
- b) Kluster Mambong: kekal tujuh (7) kes
- c) Kluster Sentosa: kekal 31 kes
- d) Kluster PUI Melbourne: kekal tiga (3) kes
- e) Kluster Pasar Satok: kekal empat (4) kes
- f) Kluster Seri Alam, Bintulu: kekal empat (4) kes

Dimaklumkan juga **satu (1) kes** baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari Hospital Umum Sarawak hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes postif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini seramai **662** orang atau **96.22%**.

Seramai **tujuh (7)** orang masih menerima rawatan dalam wad isolasi hospital, dan jumlah kematian kekal 19 orang atau 2.77%. Hari ini sebanyak **tiga (3) PUI** baru dilaporkan dan **enam (6) kes** masih menunggu ujian makmal.

2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **7 notis** kompaun kerana tidak mematuhi Garis Panduan (SOP). Notis kompaun yang telah dikeluarkan adalah di Kota Samarahan (4), Sarikei (1), Betong (1) dan Kanowit (1).

3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (10 JUN HINGGA 31 OGOS 2020)

PDRM akan terus memperketatkan Garis Panduan (SOP) termasuk pemakaian pelitup topeng muka di tempat awam. Hari ini sebanyak **1,746 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (163), Restoran (309), Kilang (11), Bank (109), Pejabat Kerajaan (77), Penjaja (38), Pasar Tani/Awam (95), Tempat Ibadah (106), Tempat Riadah (53), Tapak Pembinaan (25) dan lain-lain (760).

Seramai **637 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (307), ATM (40), RELA (137), APM (103), PBT (34) dan lain-lain agensi (7).

4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG DAN TANGKAPAN

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **2,102** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
22 OGOS 2020
4.00 PETANG**

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	687	Kes sedang dirawat di hospital	7	1.02%
Kes Baharu	1	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	76,217	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	688	Jumlah kes kematian	19	2.76%
IR per 100,000 penduduk	22.30	Kes telah sembuh dan discaj	662	96.22%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	Baru	Kumulatif
Negatif	10		3	9,347
Menunggu keputusan	5		6	

Status Semasa		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital		1	1	4	1	0	7
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>		0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)		0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian		17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	1	0	0	0	0	1
	Kumulatif	570	33	27	31	1	662
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)		9	8	2	0	0	19

DAERAH KUNING (1)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	1	6,150	0	424	1	411	0	12	1	2	1
	Jumlah	1	6,150	0	424	1	411	0	12	1	2	1

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (39)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	0	303	0	24	0	24	0	0	0	0	0
2	Lundu	0	244	0	3	0	3	0	0	0	0	0
3	Samarahan	0	546	0	112	0	108	0	4	0	0	0
4	Bau	1	169	0	6	0	6	0	0	0	0	0
5	Bintulu	0	278	0	31	0	27	0	0	4	4	0
6	Sibu	0	106	0	10	0	9	0	0	1	1	0
7	Simunjan	0	60	0	8	0	8	0	0	0	0	0
8	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
9	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
10	Limbang	0	31	0	9	0	8	0	1	0	0	0
11	Miri	1	826	1	24	0	22	0	1	1	1	0
12	Asajaya	0	41	0	5	0	5	0	0	0	0	0
13	Sri Aman	0	49	0	3	0	2	0	1	0	0	0
14	Betong	0	187	0	16	0	16	0	0	0	0	0
15	Lawas	0	13	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Mukah	0	44	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
18	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0	0
19	Sarawak	0	23	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Lubok Antu	0	21	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Kapit	0	31	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
39	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		2	3,197	1	264	0	251	0	7	6	6	0

Jumlah Besar	3	9,347	1	688	1	662	0	19	7	8	1
---------------------	----------	--------------	----------	------------	----------	------------	----------	-----------	----------	----------	----------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **139 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **14 buah hotel** adalah seramai **765 orang**. Manakala seramai **22,070 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 22.08.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (385)	Hock Lee	44
2		Hilton	57
3		Harbour View	149
4		Riverside (Astana Wing)	135
5	Miri (241)	Mega	55
6		Eastwood Valley	65
7		Meritz	35
8		Dynasty	86
9	Bintulu (53)	Wasan Inn	15
10		Motel Kapok	11
11		Faber Inn	27
12	Limbang (16)	Purnama	11
13		Mandarin (Lawas)	5
14	Sibu (70)	Premier	70
Jumlah PUS			765

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **6 lokasi di Kuching (2), Miri (2), Kapit (1) dan Samarahan (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,518 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 22.08.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	Kuching	479
2	Miri	279
3	Sibu	129
4	Bintulu	111
5	Samarahan	110
6	Sarikei	103
7	Limbang	77
8	Serian	50
9	Betong	48
10	Mukah	46
11	Sri Aman	44
12	Kapit	42
Jumlah		1,518

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Pada hari ini, sebanyak **33 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 22.08.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	2
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	5
4	MP Sibu	10
5	BDA	1
6	MCC	4
7	MD Marudi	5
8	MD Lawas	3
Jumlah		33